



**SENARAI SEMAK PENYELARASAN DAN RUNDINGAN ANTARA NEGERI BERJIRAN DALAM  
PENYEDIAAN RANCANGAN STRUKTUR**

**JADUAL A: PERINGKAT AWAL**

BIL.	PENYELARASAN DI PERINGKAT AWAL KAJIAN RS	TANDAKAN (✓) ATAU (X)	CATATAN
1.	Cadangan utama kawasan negeri bersebelahan mengikut Gambar Rajah Utama RS sedia ada negeri berjiran untuk kesinambungan antara negeri.		
2.	Cadangan utama kawasan negeri bersebelahan mengikut Pelan Subjek RS sedia ada negeri berjiran untuk kesinambungan cadangan sektoral antara negeri (jika ada).		
3.	Guna tanah utama semasa kawasan daerah/ jajahan negeri bersebelahan bagi mewujudkan keharmonian guna tanah.		
4.	Bandar-bandar bersebelahan atau bandar bersempadan dari segi peranan, fungsi dan pengaruhnya atau pertalian dengan negeri.		
5.	Projek komited utama terkini kawasan bersebelahan seperti projek pengairan pertanian, bekalan air, KSAS, tambakan laut, pelabuhan, lapangan terbang, empangan dan lain-lain.		
6.	Rangkaian jalan dan infrastruktur dan kemudahan awam utama sedia ada dan cadangan yang merentasi kedua-dua negeri atau yang terletak di kawasan sempadan.		
7.	Hala tuju atau potensi kawasan daerah / jajahan negeri bersebelahan mengikut RS negeri berjiran.		
8.	Perundingan projek fizikal utama negara yang merentasi sempadan negeri-negeri berjiran yang terkini seperti ECRL, HSR, LPT3 dan lain-lain.		
9.	Perkara-perkara lain berkaitan termasuk kegunaan khas kawasan bersebelahan sempadan negeri.		



**SENARAI SEMAK PENYELARASAN DAN RUNDINGAN ANTARA NEGERI BERJIRAN DALAM  
PENYEDIAAN RANCANGAN STRUKTUR**

**JADUAL B: PERINGKAT DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (DRSN)**

<b>BIL.</b>	<b>PENYELARASAN DI PERINGKAT DRSN</b>	<b>TANDAKAN (✓) ATAU (X)</b>	<b>CATATAN</b>
1.	Penyelarasan cadangan RFN yang melibatkan kawasan sempadan negeri berkaitan.		
2.	Penterjemahan cadangan RW (di bawah Akta 172) bagi kawasan sempadan negeri berkaitan jika melibatkan kawasan JPW.		
3.	Penterjemahan cadangan utama RW khas (Akta 687 dan Akta 688) kawasan koridor wilayah ekonomi dan Zon Ekonomi Khas yang ditetapkan bagi kawasan pembangunan bersama dan cadangan utama sahaja di kawasan bersempadan.		
4.	Cadangan bandar bersebelahan yang saling menyokong dan melengkapi termasuk hierarki bandar bersebelahan atau yang terletak di kawasan sempadan negeri.		
5.	Kawasan zon pengekalan bersama seperti Taman Negara dan kawasan tadahan air, pengekalan warisan dan sumber marin yang merentasi sempadan negeri.		
6.	Pengekalan koridor ekologi CFS yang merentasi sempadan negeri – sambungan PL dan SL.		
7.	Perancangan kawasan tadahan sumber air bersebelahan atau merentasi sempadan negeri dan lembangan sungai bersama di kawasan bersempadan.		
8.	Jaringan lebuhraya dan jalan persekutuan merentasi sempadan negeri yang bersambungan.		
9.	Rangkaian infrastruktur dan utiliti utama merentasi sempadan negeri seperti laluan paip gas, bekalan elektrik, terusan dan lain-lain yang berkaitan.		
10.	Kawasan tadahan penduduk bagi kemudahan awam utama 2awasan bersebelahan antara negeri (menandakan kemudahan peringkat tinggi dan unjuran kemudahan mengambilkira petempatan bersebelahan kawasan sempadan negeri).		

BIL.	PENYELARASAN DI PERINGKAT DRSN	TANDAKAN (√) ATAU (X)	CATATAN
11.	Penyelarasan zon guna tanah utama rentas sempadan dan ditunjukkan dalam peta atau rajah bagi zon guna tanah khas yang melibatkan dua negeri secara indikatif.		
12.	Kawasan pertanian utama bersebelahan dan keperluan pemeliharaan kawasan bekalan makanan negara masa hadapan termasuk kawasan jelapang padi negara atau kawasan pengairan pertanian rentas sempadan negeri.		
13.	Penyelarasan sumber mineral dan perlombongan kawasan bersempadan secara indikatif.		
14.	Penyelarasan zon industri utama seperti zon industri berat di kawasan bersempadan dan keperluan zon penampungan bersama secara indikatif.		
15.	Cadangan pembangunan bandar bersebelahan dengan sempadan negeri.		
16.	Kawasan khas atau sensitif seperti kem tentera, institusi diraja dan lain-lain negeri bersebelahan di kawasan sempadan negeri.		
17.	Penyelarasan Gambar Rajah Utama – memetakan komponen merentasi sempadan negeri termasuk rangkaian infrastruktur utama.		
18.	Gambar rajah sokongan penyelarasan antara negeri termasuk memetakan kerangka spatial cadangan pembangunan yang mempunyai kepentingan bersama di kawasan sempadan negeri.		
19.	Penyelarasan kemudahan pelancongan seperti jeti dan kompleks imigresen (CIQ) bersebelahan di kawasan sempadan negeri.		
20.	Penyelarasan penggunaan terminologi dalam dokumen RS yang merujuk keperluan Akta, Kaedah-Kaedah RS dan Manual RS Edisi Terkini termasuk penggunaan nama yang sama bagi komponen atau projek merentasi sempadan negeri.		
21.	Lain-lain perkara berkaitan cadangan hala tuju negeri yang boleh memberi kesan kepada kawasan negeri berjiran.		